

**EDUCATION MALAYSIA INDONESIA  
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (PENGAJIAN TINGGI)**

## **KERTAS KERJA**

**PENAWARAN KEMASUKAN 2500 PELAJAR PASCASISWAZAH  
SECARA BERKELOMPOK DARI PROVINSI NUSA TENGGARA  
BARAT, REPUBLIK INDONESIA KE INSTITUT PENGAJIAN  
TINGGI AWAM, MALAYSIA**

## **1.0 PENDAHULUAN**

Kertas Kerja ini dikemukakan bertujuan untuk mengusulkan penawaran dari Gabenor Provinsi Nusa Tenggara Barat (NTB), Dr. H. Zulkieflimansyah, untuk menghantar 500 siswazah per tahun selama 5 tahun berturut-turut ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia bagi melanjutkan pelajaran ke Pasca Sarjana.

Dr. H. Zulkieflimansyah merupakan Gabenor NTB yang baru dilantik bagi penggal 2018-2023 sebelumnya merupakan Anggota Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) sejak 01 Oktober 2004 sehingga 26 Februari 2018. Beliau amat menitikberatkan pembangunan pendidikan negara yang mana beliau juga amat berpendidikan tinggi. Ini diterjemahkan pada tahun 2003 apabila beliau dinobatkan oleh Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI) sebagai Peneliti Muda Terbaik Indonesia (bidang ekonomi & pengurusan). Beliau juga pernah menjadi Senior Research Fellow, Kennedy School of Government, Harvard University sebelum menceburi bidang politik.

Kerjasama pendidikan yang ingin dijalinan ini adalah hasil kunjungan hormat Education Malaysia Indonesia (EMI) pada 19 November 2018 ke Lombok bagi mengintai ruang dan peluang kerjasama bersama pemerintah provinsi NTB. Ternyata melalui perjumpaan tersebut, Gabenor NTB juga dalam misinya untuk menghantar para siswazah asal NTB untuk melanjutkan pelajaran ke pasca sarjana ke luar negara. Sehubungan dengan itu, beliau telah menyatakan hasrat untuk menghantar para siswazahnya untuk melanjutkan pelajaran ke Malaysia seramai 500 orang per tahun selama 5 tahun berturut-turut sekiranya pihak Malaysia pantas bertindak lanjut. Ini berikutan ada negara lain juga yang menawarkan lanjutan pendidikan ke negara mereka seperti Poland, Australia dan United Kingdom.

## **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 NTB adalah sebuah provinsi yang berada di Barat Kepulauan Nusa Tenggara. Provinsi ini beribukota di Mataram dan memiliki 10 Kabupaten/Kota.

2.2 NTB merupakan sebuah provinsi yang membangun dengan pengembangan Kawasan Ekonomi Khusus (KEK) Mandalika yang akan menjadi destinasi pelancongan berkelas dunia. Selain itu projek Global Hub Kayangan juga

dijangka akan menjadi pelabuhan sekaligus pusat ekonomi kedua selepas Singapura.

- 2.3 Gabenor mempunyai visi untuk meningkatkan ilmu pengetahuan anak-anak rakyat mereka dengan pendidikan global bagi mendukung pembangunan jangka panjang NTB. Pihak pemerintah dalam inisiatif mencapai visinya akan menanggung kos sara hidup pelajarnya di luar negara untuk melanjutkan pelajaran.
- 2.4 Untuk fasa pertama mereka telah menghantar 50 orang siswazah ke Poland dan untuk fasa kedua iaitu pada tahun depan mereka secara lisannya bersetuju menghantar seramai 500 siswazah pertahun selama 5 tahun berturut-turut ke Malaysia melalui ikatan MOU dan MOA yang serius bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat Pasca Sarjana.
- 2.5 Disebabkan komitmen pemerintah NTB untuk menghantar para siswazah ini secara kolompok yang besar, maka mereka telah menyatakan keperluan nilai tambah yang harus diberikan oleh Malaysia sebagai timbal balik seperti kewajiban melaksanakan kursus jangka pendek secara percuma kepada pemegang taruh dari NTB (juga seramai 500 orang) dan lain-lain nilai tambah yang boleh ditawarkan seperti diskaun fi, biasiswa, penyelidikan bersama, penyeliaan bersama, persidangan bersama dan lain-lain.

### **3.0 OBJEKTIF**

- 3.1 Mendapatkan jaminan kemasukan pelajar pasca siswazah yang berkualiti dari NTB secara konsisten dan ramai iaitu sejumlah 500 siswazah per tahun selama 5 tahun berturut-turut bagi melanjutkan pelajaran ke Pasca Sarjana melalui MOU dan MOA.
- 3.2 Meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa ke IPTA terutamanya di peringkat Pasca Sarjana secara konsisten selama 5 tahun berturut-turut.
- 3.3 Memberi penjimatan dari segi kos promosi kepada EMI, EMGS dan juga pihak universiti sekiranya projek ini berjalan kerana kegiatan promosi ke provinsi

NTB boleh dikurangkan kekerapannya apabila sudah terjamin 500 siswazah yang akan melanjutkan pelajaran ke Pasca Siswazah setiap tahun.

#### **4.0 MODEL KERJASAMA**

##### **RINGKASAN MODEL KERJASAMA**

- ❖ **NTB akan menghantar 500 siswazah per tahun ke IPTA untuk pengajian pascasiswazah dengan yuran RM 4000 ke RM 4500 per semester**
- ❖ **IPTA akan menyediakan kursus jangka pendek dalam bidang perlancongan untuk 500 orang secara percuma**
- ❖ **Dimestikan membuat aktiviti pengantarabangsaan dengan universiti di NTB (pertukaran pelajar & Staf, penyelidikan & koferensi bersama dll)**
- ❖ **Projek ini berpotensi untuk dilaksanakan selama 5 tahun berturut-turut**

4.1 Pemerintah NTB akan menghantar 500 siswazah yang berkualiti ke IPTA untuk melanjutkan pelajaran ke Pasca Sarjana dengan yuran per semester yang ditawarkan oleh mereka antara RM4000 ke RM4500 seperti bidang berikut:

- Sains & Teknologi  
(sebahagian besar dari kemasukan)
- Sains Sosial  
(sebahagian kecil dari kemasukan seperti bidang pelancongan, perbankan, kewangan, akauntansi dan keusahawanan)

4.2 Kaedah pelaksanaan program secara keseluruhannya adalah secara kerja kursus dan berkemungkinan boleh ditawarkan sebilangan kecil pelaksanaannya secara penyelidikan.


- 4.3 Kemasukan adalah di peringkat Pasca Sarjana:
- Sarjana (sebilangan besar)
  - PhD (sebilangan kecil)
  - Boleh ditawarkan juga sebilangan kecil di peringkat Ijazah
- 4.4 Sebagai pakej, pemerintah NTB akan menghantar 500 pelajar, guru dan pemain industri di bidang pelancongan untuk mengikuti kursus jangka pendek **secara percuma** di IPTA berkaitan
- 4.5 Lain-lain aktiviti pengantarabangsa yang mesti dilaksanakan sekiranya projek ini berjalan:
- Pertukaran pelajar
  - Pertukaran staf
  - Persidangan bersama
  - Penyelidikan bersama

## 5.0 RASIONALISASI PROJEK

- 5.1 Dengan julat yuran yang ditawarkan pihak pemerintah NTB, adalah amat penting untuk kita mengetahui IPTA yang berminat, program yang ditawarkan dan yuran yang dikenakan. Gabenor juga menyatakan kepentingan untuk ditempatkan sebahagian di IPTA terkemuka di Malaysia.
- 5.2 Pelaksanaan kursus jangka pendek secara percuma
- 5.2.1 Cadangan 1: IPTA yang menerima kemasukan mahasiswa akan melaksanakan kursus jangka pendek sesuai dengan bilangan mahasiswa yang diterima. (kemasukan: 50 mahasiswa, kursus jangka pendek: 50 peserta)
- 5.2.2 Cadangan 2: IPTA yang menerima kemasukan mahasiswa akan menanggung kos kursus jangka pendek yang akan dilaksanakan di IPTA lain. (contoh: RM 500 dari yuran setiap mahasiswa yang diterima akan diserahkan kepada IPTA yang mengelolakan kursus jangka pendek). Cadangan ini sesuai bagi IPTA yang tidak mempunyai kepakaran dalam bidang pelancongan di mana ianya dilihat lebih praktikal dalam mengadakan kursus dalam skala yang besar di IPTA lain yang mempunyai kepakaran dan dapat mengurangkan kos.

## 6.0 FASA PELAKSANAAN

6.1 Ke arah merealisasikan program kerjasama pendidikan ini, fasa pelaksanaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:



**Gambarajah 1: Cadangan Fasa Pelaksanaan**

6.2 Garis masa pelaksanaan dicadangkan seperti berikut:

Cadangan Pelaksanaan	Cadangan Garis Masa Pelaksanaan																								
	2018												2019												
	SEPT				OKT				NOV				DIS				J	F	M	A	M	J	J	O	S
	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4									
Menjalankan kajian potensi bagi promosi pendidikan di provinsi Nusa Tenggara Barat																									
Mengatur pertemuan bersama Gabenor NTB, Guru Bimbingan dan Kaunseling, Pusat Latihan Pariwasta dan Persatuan Pariwisata Lombok																									
Mengadakan kunjungan hormat ke Gabenor NTB, pertemuan bersama Guru Bimbingan dan Kaunseling, Pusat Latihan Pariwasta dan Persatuan Pariwisata Lombok																									
Mendapatkan maklumat tepat berkenaan IPTA, penawaran program dan yuran pengajian																									
Pemilihan dari NTB berkaitan IPTA dan program pengajian																									
MOU - memperincikan model pelaksanaan beserta kaedah pembayaran																									
MOA - memperincikan perjanjian yang berdasarkan model pelaksanaan yang dipersetujui bersama																									
Proses permohonan secara berkelompok termasuk urusan Visa																									
Pendaftaran mahasiswa untuk kemasukan September 2019																									

**Gambarajah 2: Cadangan Garis Masa Pelaksanaan**

## 6.0 SYOR DAN KESIMPULAN

- 6.1 Tawaran yang dikemukakan oleh Gabenor NTB amat menarik kerana ianya menjanjikan penghantaran siswazah asal NTB yang konsisten setiap tahun selama 5 tahun berturut-turut (2500 mahasiswa sehingga tahun 2023) disamping peluang kerjasama pendidikan lain yang dapat dikembangkan hasil kerjasama ini seperti penyelidikan bersama, persidangan bersama, penyeliaan bersama, pertukaran pelajar, pertukaran staf dan lain-lain potensi.
- 6.3 Peluang ini harus direbut oleh Malaysia kerana negara lain juga melihat potensi yang besar dari NTB dan juga telah menawarkan peluang pendidikan ke negara mereka. Namun pemerintah NTB ingin mendahulukan Malaysia kerana yuran pengajian dan kos sara hidup yang berpatutan selain jaraknya yang dekat bagi merasai pengalaman pendidikan global.
- 6.4 Walaupun pihak pemerintah NTB melalui Gabenornya meminta pelbagai timbal balik seperti yuran pengajian di antara RM4000 ke RM 4500 dan juga kursus jangka pendek secara percuma untuk 500 peserta setahun, namun ia dilihat rasional kerana kemasukan mahasiswa bagi pengajian Pasca Sarjana adalah secara berkelompok dan besar iaitu 500 orang setahun atau 2500 orang dalam tempoh 5 tahun secara keseluruhannya.
- 6.5 Memberi penjimatan dari segi kos promosi kepada EMI, EMGS dan juga pihak universiti sekiranya projek ini berjalan kerana kegiatan promosi ke provinsi NTB boleh dikurangkan. Selain itu dengan kejayaan projek ini, dijangka akan ada rakyat NTB yang berkemampuan turut melanjutkan pelajaran ke Malaysia dengan biaya sendiri samada ke IPTA atau IPTS.
- 6.6 Pelaksanaan dan kejayaan projek ini juga dijangka akan membuka mata provinsi lain di Indonesia (34 provinsi keseluruhan) untuk menggunakan model yang sama dalam menghantar rakyat mereka melanjutkan pelajaran ke Malaysia.

Disyorkan untuk penelitian dan kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) sewajarnya. Sekian, salam hormat dan terima kasih.

### **EDUCATION MALAYSIA INDONESIA**

Jakarta, Indonesia  
November 2018